

03/04/2001

Hanya satu daripada baki tujuh cawangan calon Fauzi

KUANTAN, Isnin - Ketua Umno bahagian Kuantan, Datuk Fauzi Abdul Rahman, hanya mendapat satu pencalonan daripada baki tujuh cawangan yang bermesyuarat Sabtu lalu, bagi mempertahankan jawatannya.

Pencalonan itu datang daripada cawangan Beserah Utara yang terletak dalam Dewan Undangan Negeri (DUN) Beserah manakala satu lagi cawangan di Beserah iaitu Balok Baru Fasa Satu mencalonkan Naib Ketua bahagian, Datuk Faisal Abdullah.

Secara keseluruhannya, Fauzi menerima 10 pencalonan, tujuh daripadanya daripada cawangan di Beserah berbanding Faisal (31) dan Datuk Wan Adnan Wan Mamat (24).

Selain Beserah Utara, antara cawangan di DUN Beserah yang mencalonkan Fauzi ialah Sungai Ular, Batu Hitam, Sungai Karang Darat, Sungai Karang Pantai, Galing Besar dan Beserah Selatan Baru.

Menurut sumber, cawangan Bandar Kuantan Timur yang Fauzi menjadi ahlinya tidak mencalonkan bekas Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri itu, sebaliknya mencalonkan Faisal.

Kelmarin, Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, mesyuarat Umno bahagian Kuantan ditangguhkan sehingga siasatan oleh satu jawatankuasa khas berhubung dakwaan Fauzi berkaitan penyelewengan dan politik wang dalam parti, selesai.

Sementara itu, Faisal, ketika dihubungi, berkata beliau bersedia memberi kerjasama untuk membantu siasatan jawatankuasa khas itu.

Malah, katanya, semua cawangan yang mencalonkan beliau bagi merebut jawatan ketua bahagian, tidak menghadapi masalah untuk memberi kerjasama.

Beliau turut menyifatkan langkah menubuhkan jawatankuasa khas itu bagi menyiasat dakwaan Fauzi sebagai wajar.

Fauzi dalam surat peletakan jawatan sebagai Ahli Dewan Undangan Negeri Beserah yang diserahkan kepada Menteri Besar, Datuk Seri Adnan Yaakob, Jumaat lalu, mendakwa berlaku politik wang sehingga beliau tidak mendapat pencalonan secukupnya bagi mempertahankan jawatan Ketua Umno bahagian Kuantan.

Beliau turut membuat laporan polis terhadap Setiausaha Agung Umno, Tan Sri Mohd Khalil Yaakob yang didakwa terbabit dalam penyelewengan ketika menjadi Menteri Besar Pahang.

(END)